

Perluas konsep kebun rumah strategi keselamatan makanan



Oleh Mahani Amat
bhrencana@bh.com.my

Dalam dunia semakin terdedah kepada ketidaktentuan global seperti konflik geopolitik, pandemik, perubahan iklim serta inflasi makanan, rantai bekalan makanan kini berdepan tekanan semakin serius.

Keadaan ini memberi kesan langsung terhadap ketersediaan makanan yang selamat, mampu milik dan lestari, khususnya di kawasan bandar padat.

Dalam konteks ini, kebun rumah muncul bukan sekadar sebagai hobi atau gaya hidup, sebaliknya strategi alternatif kelestarian makanan bandar semakin relevan dan praktikal.

Di bandar, kebun rumah memainkan peranan penting menyokong kelestarian alam sekitar. Dengan menanam makanan sendiri, isi rumah dapat mengurangkan kebergantungan rantai bekalan makanan jarak jauh yang menyumbang kepada pelepasan karbon tinggi.

Pada masa sama, amalan seperti pengkomposan sisa dapur membantu mengurangkan sisa organik berakhir di tapak pelupusan. Kebun di balkoni kondominium atau halaman kecil rumah bukan sahaja menghasilkan sayur segar, malah bertindak sebagai 'paru-paru hijau mikro' menyejukkan ruang kediaman, menyerap pencemaran udara serta meningkatkan biodiversiti bandar melalui kehadiran serangga pendebunga dan mikroorganisma tanah.

Kebun rumah mampu menyediakan sumber makanan lebih dekat, cepat dan selamat. Keluarga

menanam sendiri sayur daun seperti kangkung, bayam atau sawi tidak terlalu terkesan apabila harga sayur di pasaran meningkat.

Kurangkan kos keperluan dapur

Dalam konteks Malaysia yang sebahagiannya masih bergantung kepada import sayur dan buah dari negara jiran, kebun rumah berpotensi mengurangkan kebergantungan itu, khususnya bagi keperluan harian isi rumah.

Tumpuan kepada tanaman mudah ditanam dan kerap digunakan dalam masakan tempatan seperti cili, sayur-sayuran berdaun, terung, bendi dan tanaman herba dapur mampu menggantikan sebahagian besar keperluan dapur tanpa perlu bergantung kepada import.

Dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi, pertanian asas adalah ilmu kelangsungan hidup penting

kerana makanan satu keperluan asas semua manusia.

Projek kebun komuniti seperti di Taman Perwira Setia, Gombak membuktikan kebun komuniti diusahakan secara bersama mampu mengurangkan kos makanan isi rumah di samping mengeratkan hubungan kejiiran melalui perkongsian hasil.

Di tengah tekanan inflasi makanan global, kebun rumah berfungsi sebagai strategi penjimatan praktikal. Penanaman sayur-sayuran dan tanaman herba berpotensi menjimatkan sekitar RM50 hingga RM200 sebulan, bergantung kepada jenis dan skala tanaman.

Selain penjimatan kos, hasil tanaman sendiri lazimnya lebih segar, berkualiti dan selamat kerana pengguna mempunyai kawalan terhadap kaedah penanaman. Amalan pertanian semula jadi atau penggunaan baja organik bukan sahaja meningkatkan kualiti makanan, malah menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan keluarga.

Keterbatasan ruang bukan lagi penghalang utama dengan adanya teknologi seperti hidroponik dan fertigasi. Sistem hidroponik vertikal atau buat sendiri (DIY) membolehkan pelbagai jenis sayur daun ditanam di ruang terhad dengan hasil konsisten.

Dalam perancangan bandar pintar, kebun rumah dan kebun bandar boleh disepadukan sebagai sebahagian daripada hab pertanian bandar. Kebun atas bumbung, kebun komuniti perumahan dan sistem pertanian vertikal di bangunan pejabat bukan sahaja membantu menyediakan makanan segar, malah meningkatkan kualiti hidup bandar dan mengurangkan jejak karbon.

